

30 NOV 1998

Hasmah-Ibu

KAJIAN LEBIH MENDALAM MENGENAI MASALAH IBU TUNGGAL PERLU

KUANTAN, 30 Nov (Bernama) -- Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali hari ini mencadangkan supaya kajian yang lebih mendalam mengenai permasalahan ibu tunggal terus dilaksanakan.

Maklumat mengenai ibu tunggal yang berjaya wajar dikumpul dan ditonjolkan untuk dicontohi serta dijadikan perangsang, kata beliau semasa berucap melancarkan Pertubuhan Ibu Tunggal Negeri Pahang (Mutiara) di sini.

Selain itu, beliau berkata kajian mengenai kesan keruntuhan rumah tangga kepada anak-anak juga perlu dilaksanakan bagi mewujudkan program-program bersesuaian bagi membantu generasi kedua itu mengatasi sebarang kesan negatif.

Beliau juga meminta agar pertimbangan yang wajar diberikan kepada ibu-ibu tunggal yang layak untuk menerima kemudahan rumah kos rendah, perolehan saham kerajaan dan tanah berkelompok.

"Hal-hal perundangan, proses penghakiman dan penguatkuasaan keputusan mahkamah syariah mengenai pemberian nafkah harta sepencarian, dan jagaan anak-anak merupakan aspek yang banyak dibangkitkan pertubuhan wanita dan saya berharap ia dapat dipertingkatkan dan diperkukuhkan," katanya.

Siti Hasmah juga menyeru setiap agensi yang berurusan dengan keluarga supaya dapat menyimpan rekod pelanggan berdasarkan gender agar ia dapat digunakan sebagai input kepada pembangunan sosial.

Katanya, maklumat mengenai penjaga pelajar di sekolah-sekolah boleh membantu mengesan perkembangan pelajar, dan anak-anak kepada kumpulan khusus seperti ibu tunggal dapat diberikan lebih perhatian.

Semasa ditemui pemberita kemudiannya, beliau berkata kebajikan golongan ibu tunggal perlu diberikan perhatian kerana mereka juga secara langsung atau tidak turut menyumbang ke arah kemajuan wanita di negara ini.

Katanya, ibu tunggal memikul tanggungjawab yang lebih berat kerana mereka bukan sahaja perlu menyara diri sendiri, tetapi juga anak-anak, lebih-lebih lagi yang mempunyai ramai anak atau beranak kecil.

Di samping itu, beliau juga berharap semua agensi kerajaan, swasta dan orang ramai untuk turut membantu mengeluarkan golongan ibu tunggal ini daripada pusingan kemiskinannya.

Sementara itu, Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Zaleha Ismail mengingatkan golongan ibu tunggal supaya sentiasa berwaspada dan berhati-hati kerana kadang-kala terdapat golongan yang mengambil kesempatan di atas masalah yang mereka hadapi.

Katanya, fenomena itu yang mungkin berlaku secara sengaja atau tidak disengajakan dilakukan oleh golongan yang "suka menanggung di air keruh" ke atas golongan berkenaan.

Persatuan Ibu Tunggal Negeri Pahang merupakan yang ke-13 seumpamanya ditubuhkan di negara ini. Bancian oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri Pahang pada akhir 1997 dan pertengahan 1998 mendapati terdapat 2,980 ibu tunggal di kawasan luar bandar dengan jumlah 9,983 orang anak.

Pada majlis itu, Siti Hasmah juga menyampaikan Anugerah Ibu Tunggal Waja kepada 11 ibu tunggal dari beberapa daerah di negeri ini yang berjaya mendidik anak-anak mereka sehingga meneruskan pengajian ke institusi pengajian tinggi.

Isteri Menteri Besar Pahang, Puan Sri Zurina Kassim yang juga Pengerusi Persatuan Kebajikan Isteri-isteri Wakil Rakyat Negeri Pahang pula menyerahkan memorandum khas kepada Siti Hasmah sebagai menyatakan sokongan padu terhadap kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

-- BERNAMA
ROS NMO